| KUASAI FAKTA | KBAT & ELEMEN KEWARGANEGARAAN DAN NILAI SIVIK |
|---|---|
| 1. Menyatakan latar belakang pengaruh komunis di negara kita<br>2. Menerangkan ancaman dan keganasan komunis di negara kita<br>3. Menjelaskan usaha-usaha menangani ancaman komunis<br>4. Menganalisis kesan zaman darurat terhadap negara kita | 1. Menerangkan kepentingan sikap berhati-hati dalam menghadapi anasir yang menggugat kestabilan negara.<br>2. Menjelaskan kepentingan mempunyai pemikiran yang strategik<br>3. Menghuraikan kepentingan menjamin keamanan negara<br>4. Membahaskan kepentingan sikap sedia berkorban untuk negara |

## 6.1 Kemasukan Pengaruh Komunis di Negara Kita

**1. Komunisme**

a. Pengasas Karl Marx / Friedrich Engels
b. Karya Communist Manifesto / Das Kapital
c. Suatu fahaman politik-ekonomi/ barang pengguna milik negara

**i. Pengaruh komunis dari China**

a. Melalui cawangan Parti Kuomintang (KMT) di China
b. Cawangan KMT di setiap bandar (Muar, Melaka, KL) sebar ppengaruh komunis
c. Pertubuhan Main School bergerak di kalangan orang Hailam di bawah arahan Parti Komunis China (PKC)
d. Perpecahan antara KMT dengan PKC.
e. Comintern di Moscow arah penubuhan Parti Komunis Nanyang (PKN) tapi gagal
f. Comintern arah tubuh parti baharu iaitu PKM

**ii. Pengaruh komunis dari Indonesia**

a. Pemimpin komunis dari Indonesia (Tan Malaka) sebar komunis di Seberang Perai, Perak Utara, Kedah
b. PKI gagal kuasai Pulau Jawa menyebabkan PKI buka cawangan di TM
c. Tiada sambutan-guna kekerasan capai matlamat.

**2. Penubuhan PKM**

a. 1930 PKM ditubuh di Kuala Pilah dan bergerak melalui kesatuan sekerja, pertubuhan sekolah cina
b. Zaman Jepun-PKM bekerjasama dengan British perangi Jepun - membentuk MPAJA (Bintang 3)-dibantu senjata, latihan, kewangan, logistik, perubatan dari British
c. Selepas Jepun kalah, PKM ambil alih kuasa buat kacau
d. BMA ambil alih-benarkan PKM bergerak sbg parti sah mempengaruhi pertubuhan
e. Menyusup dalam Kesatuan Sekerja (PMFTU), menyusup dalam AMCJA-PUTERA
**f.** Ancaman ekonomi / keselamatan-British luluskan Trade Union Ordinance No.9 of 1948-sekat komunis dalam kesatuan sekerja dan haramkan PKM

## 6.2 Ancaman komunis di negara kita

**1. Gerakan Komunis Antarabangsa**

a. PKM hantar wakil ke persidangan di Culcutta
b. Komunis digesa perhebat perjuangan menentang penjajah di Asia dengan melancarkan perjuangan bersenjata bagi menubuhkan Republik Komunis di Tanah Melayu

**2. Pengisytiharan Darurat 1948**

a. Komunis bunuh 3 pengurus ladang Eropah di Sg Siput,
b. Sir Edward Gent isytihar darurat

**3. Tindakan komunis**

**i. Melumpuhkan ekonomi**

a. Sasar lombong /ladang getah
b. Merosakkan pokok getah, kilang estet, rumah kongsi, kedai, sekolah, bunuh pekerja menyebabkan penderitaan, ganggu kerja harian, nyawa terancam

**ii. Merosakkan infrastruktur**

a. Sabotaj kemudahan asas-pengangkutan/ perhubungan
b. Bom, rosakkan, alih landasan, tembak / bakar kenderaan di jalan raya
c. Sabotaj telefon / telegraf, rosakkan paip air
d. Serang pekerja awam yang baiki jalan, pasang paip air, pekerja penyelidik di tapak hidroelektrik
e. Menjejaskan kehidupan harian penduduk kerana infrastruktur tidak dapat diselenggara

**iii. Mengancam keselamatan rakyat**

a. Ugut, sabotaj, serang, kekejaman, aniaya, culik, rampas, bakar harta, bunuh
b. Campak bom tangan di Sheum Circus, Kampar hingga 46 parah 4 mati.

**iv. Mengancam pasukan keselamatan**

a. Untuk cetus huru hara dan menunjukkan kerajaan tidak mampu lindungi rakyat
b. Serang balai polis (Bukit Kepong), serang hendap askar, bunuh

## 6.3 Usaha menangani ancaman komunis

**1. Penguatkuasaan Undang- Undang Darurat**

a. Disyaki komunis tahan tanpa bicara / hukuman berat bantu komunis
b. Ketatkan undang² senjata hukum mati bawa senjata
c. Geledah rumah, pagar kampung,perintah berkurung wujudkan Kampung Baru
d. Haramkan PKM dan parti radikal (AWAS, PETA dll)
e. Tangkap pemimpin radikal (Ahmad Boestaman, Ishak Hj Muhammad, Khatijah Sidek, Abu Bakar al-Baqir

**2. Pemerkasaan pasukan keselamatan**

**i. Polis**

a. **Cawangan Khas**-risikan (operasi) PKM, menyamar sbg komunis (orang Cina)-menyusup masuk PKM
b. **Special Constables**-semasa Rancangan Briggs untuk kawal ladang / lombong / barisan hadapan
c. **Polis Hutan** (Flying Squad/Police Field Force)-buru komunis, ronda pinggir hutan, bawa makanan kpd yg bertugas dalam hutan, jaga kubu
d. **Polis Wanita**- Barbara D.R Wentworth wanita pertama-melatih anggota /susun polis wanita
e. **Senoi Praaq** (Urang Perang -orang Asli)-mengesan komunis sembunyi di hutan (Silent Killers)
f. **Auxiliary Police**-jaga bandar /kampung, bantu polis menentang komunis / Police Volunter Reserve

**ii Tentera**

a. **Askar Melayu**-banteras gerila komunis di hutan / kubu operasi komunis
b. **Askar Komanwel**-25 ribu (Britain), New Zealand
c. **Sarawak Rangers**-Orang Iban jejak komunis di hutan-mahir selok belok hutan-cogan kata Agi Idup Agi Ngelaban

**iii. Sukarelawan**

**a.** **Home Guard**-pengawal kampung /pekan-sekat makan / ubat ke tangan komunis/ keamanan kampung, pekerja lombong

## 6.3 Usaha menangani ancaman komunis

**3. Pendaftaran Kebangsaan dan kad pengenalan**

a. Untuk mengawal pergerakan penduduk
b. Mudah anggota keselamatan (special contables) bezakan orang awam dengan komunis
c. Umur 12 tahun ke atas daftar diri dengan pihak berkuasa
d. Bawa KP ke mana sahaja

**4. Rancangan Briggs**

a. Dilancar Sir Henry Gurney
b. Sir Harold Rowdon Briggs (Pengarah Operasi)
c. Tujuan-memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen dan melemahkan pergerakan komunis
d. Min Yuen (organisasi massa)-dapatkan makanan/wang kpd komunis dengan ugut, sabotaj
e. **Kampung Baru**-setinggan tepi hutan pindah ke tempat baru-lengkap kemudahan dan dipelihara oleh Jawatankuasa kampung-pagar kawat berduri-dikawal Special Constables

**5. Tawaran pengampunan**

a. Henry Gurney tawarkan
b. Supaya komunis serah diri
c. Tawaran disiarkan di Radio Malaya, poster ditampal, risalah / pas pengampunan dalam BC, BM, BT
d. Disebar melalui udara
e. Iklan/ wayang gambar bantu penduduk pujuk komunis serah diri

**6. Kempen "Bulan Rakyat Melawan Penjahat"**

a. Seru penduduk daftar diri sukarela
b. Terdiri lelaki / wanita pelbagai sektor (profesional)
c. Berjaya menyatukan kaum menentang komunis
d. Menggalakkan interaksii / eratkan hubungan kaum

| 6.3 Usaha menangani ancaman komunis | 6.3 Usaha menangani ancaman komunis | 6.4. Kesan zaman darurat terhadap negara kita |
|---|---|---|
| **7. Perintah Berkurung**<br>a. Larangan keluar rumah dalam tempoh tertentu<br>b. pasukan keselamatan jalankan operasi buru komunis (Labis Johor)<br>c. Tanjung Malim penduduk yang enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa di perintah berkurung 22 jam untuk elak berhubung dengan komunis. Sebab 40 komunis serang pekerja baiki paip yg mengorbankan 12 nyawa. Siasatan polis tidak temui maklumat. | **9. Rundingan Baling**<br>a. Pertemuan Tunku dengan komunis<br>b. Di Sekolah Inggeris, Baling Kedah pada 28 Dis 1955<br>c. Wakil kerajaan-Tunku, Tan Cheng Lock, David Marshall<br>d. Wakil komunis-Chin Peng, Chen Tien, Rashid Maidin<br>e. Tunku minta Chin Peng bubar PKM, letak senjata dan serah diri<br>f. Chin Peng-setuju letak senjata / serah diri dengan syarat kerajaan akui PKM parti politik yang sah<br>g. Tunku enggan terima-rundingan gagal | **1. Aspek Politik**<br>**i. Peningkatan jumlah warganegara**<br>a. Kerajaan longgar syarat kewarganegaraan<br>b. 1.2 juta Cina dan 180 ribu India<br>c. Menunjukkan pengorbanan orang Melyu terhadap kaum lain demi perpaduan<br>**ii. Penubuhan Malayan Chinese Association (MCA)**<br>a. Henry Gurney menawan hati orang Cina ke arah penubuhan parto berorientasikan tempatan<br>b. Tan Cheng Lock membentuk MCA di KL<br>c. Meyakinkan British bukan semua Cina sokong komunis<br>d. MCA bantu kerajaan dari segi kewangan / menempatkan 500 ribu penduduk ke Kampung Baru / kutipan derma melalui loteri kebajikan dan diderma pada penduduk Kampung Baru ($2.5 juta)<br>**iii.Mempercepat Kemerdekaan**<br>a. British sedar tidak boleh tamat darurat dengan tentera<br>b. Penubuhan CLC-kesedaran politik dalam kalangan pemimpin kaum-boleh kongsi hala tuju melalui penubuhan Perikatan<br>c. Perikatan menang dalam PRU 1955-British yakin dapat tewaskan komunis melalui perpaduan kaum<br>d. PKM tiada alasan untuk meneruskan perjuangan |
| **8. Perang Saraf**<br>a. Usaha memenangi hati dan fikiran rakyat oleh Templer<br>b. Jalinkan hubungan baik dengan penduduk tempatan supaya bekerjasama dengan kerajaan sampaikan maklumat komunis<br>c. Pujuk rakyat pelbagai kaum bersatu<br>**Tindakan/Langkah diambil**<br>**i. Mengadakan lawatan**<br>a. Untuk tahu masalah dan pandangan rakyat<br>b. 122 lawatan-ke sekolah, kampung, hospital, pondok polis, lombong, estet, terima perwakilan<br>c. Lawatan ambil masa 2-3 hari<br>d. Bersama isteri 20 lawatan Kg Baru dan Kampung Melayu<br>e. Isteri menubuhkan cawangan palang merah, Pandu Puteri dan pusat komuniti<br>**ii.Melonggarkan syarat kewarganegaraan**<br>a. Bagi menarik bukan Melayu jadi rakyat TM supaya bersatu<br>b. 14/9/1952-1.2 juta Cina, 180 ribu India jadi warganegara<br>**iii. Mengadakan Pilihanraya Majlis PerbandaranKuala Lumpur**<br>a. Pilihanraya tempatan pertama untuk menggalakkan orang bukan Melayu sertai politik/mendapatkan sokongan menentang komunis<br>**iv.Tawaran Hadiah Wang Tunai**<br>a. Tangkap / beri maklumat<br>b. $250 ribu jika berjaya tangkap Chin Peng hidup / mati<br>**v.Menangi Kepercayaan Orang Asli**<br>a. Templer mahu Orang Asli sokong kerajaan hapus komunis<br>b. Dirikan 14 kubu-sedia kemudahan barang keperluan harian, ubat, pendidikan, perlindungan<br>**vi.Perkhidmatan Penerangan**<br>a. Jabatan Penerangan dan Radio Malaya beri kesedaran rakyat sokong kerajaan hapus komunis<br>b. Sebar risalah antikomunis kepada penduduk dan komunis di hutan<br>**vii. Kawasan Hitam dan Putih**<br>a. Hitam-komunis aktif dikenakan perintah berkurung<br>**b.** Putih-bebas komunis (Melaka, N9) | | **2.Aspek Sosioekonomi**<br>**i.Meningkatkan Kos Perbelanjaan**<br>a. Purata kos $250-$300 ribu sehari / $10 juta sebulan / $120 juta setahun<br>b. Belanja besar selesai masalah penempatan semula penduduk pinggir hutan iaitu $7 juta untuk Kampung Baru<br>**ii.Penderitaan dan Kesengsaraan Rakyat**<br>a. Ladang, lombong sasaran komunis-kegiatan terjejas<br>b. Padi/ makanan makin kurang-harga tinggi<br>c. Peniaga, pekebun, pelombong diperas ugut jika tidak ladang dimusnah dan nyawa terancam<br>d. Kawalan kerajaan (perintah berkurung)-penduduk sukar bergerak / tidak dapat manjalankan kegiatan harian<br>e. Catuan makanan-bergantung pada ubi kayu<br>**iii. Merenggangkan hubungan antara kaum**<br>a. Kaum Cina di Kampung Baru lengkap prasarana, Kaum Melayu di kampung serba kekurangan<br>b. Kawalan ketat menyebabkan hubungan kaum terbatas<br>c. Penduduk Kampung Baru tiada ruang untuk bergaul dengan kaum lain menyebabkan hubungan renggang<br>**iv Jumlah korban zaman darurat**<br>a. Anggota keselamatan, komunis, orang awam terkorban<br>b. Penduduk menderita |
| | | **3. Penamatan darurat**<br>a. Tamat 31 Julai 1960 .<br>b. Darurat berlangsung 12 tahun |